

SOALAN NO: 10

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN**  
**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS,**  
**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: YB TAN SRI DATO' SERI ABD KHALID BIN  
IBRAHIM

TARIKH: 20 MEI 2015

SOALAN:

**Tan Sri Dato' Seri Abd Khalid bin Ibrahim [ Bandar Tun Razak ]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan perincian syarat, kekerapan dan kriteria lain bagi menyemak paras gaji minima nasional dan tangga gaji kakitangan awam

PR-1332-L69114

JAWAPAN:

**Tuan Yang di-Pertua,**

1. Untuk makluman Dewan Yang Mulia, dasar gaji minimum yang ada sekarang hanya untuk pekerja sektor swasta sahaja tidak termasuk pekerja sektor awam.

2. Proses Kajian Semula Perintah Gaji Minimum 2012 telah selesai dijalankan oleh Jawatankuasa Teknikal Perundingan Gaji Negara (JTPGN) seperti mana yang diperuntukkan di bawah Akta Majlis Perundingan Gaji Negara 2011 (Akta 732) yang menetapkan supaya kajian semula Perintah Gaji Minimum dibuat sekurang-kurangnya satu (1) kali dalam tempoh dua (2) tahun.

3. Dalam memastikan Kajian Semula Perintah Gaji Minimum 2012 dapat menghasilkan dapatan yang wajar dan munasabah, JTPGN telah membuat kajian berdasarkan kriteria berikut:

- (i) bagi kriteria asas, dua indikator ekonomi yang digunakan iaitu Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) dan gaji penengah (*median wage*). PGK adalah sebagai indikator bagi menentukan keperluan asas pekerja dan keluarga pekerja dan gaji penengah sebagai indikator keupayaan majikan membayar gaji; dan
- (ii) bagi kriteria pelarasan (*adjustment criteria*), indikator-indikator yang diambil kira dalam penetapan kadar gaji minimum adalah perubahan Indeks Harga Pengguna atau *Consumer Price Index* (CPI), pertumbuhan produktiviti buruh dan kadar pengangguran. CPI menggambarkan perubahan kepada kos sara hidup, produktiviti buruh sebagai kriteria bagi menghargai produktiviti pekerja di mana gaji wajar ditingkatkan selaras dengan peningkatan produktiviti dan kadar

pengangguran sebenar sebagai satu kawalan supaya peningkatan gaji tidak mengakibatkan peningkatan kadar pengangguran.

4. Hasil kajian tersebut telah dibentangkan dalam Mesyuarat Majlis Perundingan Gaji Negara (MPGN) dan pihak MPGN melalui Kementerian Sumber Manusia akan membawa syor berhubung kajian semula Perintah Gaji Minimum 2012 kepada Kerajaan untuk dimuktamadkan dalam tempoh terdekat. Sehingga dipertimbangkan dan diputuskan oleh Kerajaan, apa-apa perkara berkaitan kajian semula gaji minimum tidak dapat dimaklumkan kepada awam sebagaimana ditetapkan dibawah Seksyen 54, Akta 732.

Tuan Yang Di Pertua,

5. Manakala bagi pekerja di sektor awam, Prinsip pembentukan dan penetapan gaji bagi sesuatu jawatan dalam Perkhidmatan Awam adalah berdasarkan kepada prinsip kadar upah untuk kerja (*rate for the job*), relativiti dan pariti, serta syarat kelayakan masuk dan latihan.